

Cagamas tamatkan terbitan bon

KUALA LUMPUR: Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Bhd memuktamadkan terbitan bon dan sukuk terapung satu tahun bernilai RM1.025 bilion di tengah-tengah peningkatan kadar faedah dan kebimbangan mengenai inflasi.

Dalam kenyataan semalam, Cagamas berkata terbitan itu terdiri daripada Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) Kadar Keuntungan Terapung satu tahun bernilai RM345 juta dan Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) Kadar Terapung satu tahun bernilai RM680 juta, menjadikan terbitan agregat syarikat bagi tahun tersebut kepada RM7.19 bilion.

"Hasil daripada IMTN dan CMTN akan digunakan untuk membiayai pembelian pembiayaan rumah dan pinjaman perumahan daripada sistem kewangan,"

menurut Cagamas yang juga penerbit kedua terbesar bagi instrumen hutang selepas kerajaan Malaysia dan penerbit terbesar bon korporat AAA dan sukuk di pasaran.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Chung Chee Leong berkata, IMTN dan CMTN itu menjadi terbitan pertama yang dimuktamadkan Cagamas selepas kenaikan kadar dasar semalaman sebanyak 25 mata asas oleh Bank Negara Malaysia pada 11 Mei 2022.

Beliau berkata mudah tunai di pasaran pendapatan tetap tempatan kekal stabil dan berdaya tahan meskipun persekitaran pasaran yang mencabar akibat ketegangan geopolitik yang bertebaran dan jangkaan yang semakin meningkat untuk bank pusat

menaikkan kadar faedah.

Menurut Cagamas, IMTN dan CMTN dengan mekanisme kadar terapungnya, menawarkan potensi pulangan yang lebih tinggi kepada pelabur dalam persekitaran kenaikan kadar faedah.

"Urus niaga itu berjaya ditetapkan harga dengan rujukan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) tiga bulan bersamaan 2.66 peratus berdasarkan penetapan KLIBOR pada tarikh penetapan harga.

"IMTN dan CMTN itu akan ditebus pada nilai nominal penuh apabila matang, merupakan obligasi tidak bercagar syarikat, pada kedudukan sama rata (ranking pari passu) dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada lain syarikat berkenaan," katanya.

- Bernama



PRESIDEN dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Chung Chee Leong.